

**NO SOALAN :50****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
(BATU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2017**

**Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya jika kad kad debit digunakan di stesen minyak, sejumlah RM200 dikenakan sebagai deposit untuk transaksi tersebut dan hanya dipulangkan dalam masa 3 hingga 5 hari? Adakah penggunaan kad debit dianggap pembayaran tunai secara eletronik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kad debit merupakan salah satu instrumen pembayaran yang boleh menggantikan pembayaran menggunakan wang tunai. Ianya boleh dianggap sebagai pembayaran

tunai secara elektronik. Sekiranya pengguna menggunakan kad debit untuk membeli minyak di pam minyak, jumlah sebanyak RM150 sehingga RM200 akan ditolak (*hold*) terlebih dahulu daripada akaun pengguna sebagai salah satu prosedur pengesahan (*preauthorisation*) untuk memastikan pemegang kad debit mempunyai dana yang mencukupi sebelum melakukan transaksi pembelian minyak tersebut.

Bagi mengelakkan jumlah sebanyak RM150 sehingga RM200 ditolak daripada akaun pengguna, para pengguna mempunyai pilihan untuk membuat pembayaran ke atas pembelian minyak menggunakan kad debit di kaunter pembayaran di stesen minyak berbanding di pam minyak. Para pengguna dikehendaki memaklumkan jumlah minyak yang hendak dibeli kepada juruwang di kaunter pembayaran tersebut dan hanya jumlah tersebut akan diambil daripada akaun pemegang kad.

Bagi transaksi pembayaran di pam minyak, memandangkan jumlah sebenar transaksi pembelian minyak menggunakan kad debit hanya diketahui setelah minyak habis diisi, pengeluaran kad debit perlu menolak jumlah tersebut terlebih dahulu bagi mengelakkan pembelian minyak melebihi jumlah sebenar dana yang ada dalam

akaun pemegang kad tersebut. Jumlah sebanyak RM150 sehingga RM200 adalah cukup untuk menampung bayaran sekiranya pemegang kad mengisi minyak penuh.

Sekiranya jumlah yang ditolak melebihi jumlah sebenar transaksi minyak, pengeluar kad akan memulangkan baki tersebut dalam tempoh maksima tiga (3) hari kepada pemegang kad. Masa yang diambil untuk memulangkan jumlah yang tidak digunakan adalah untuk membolehkan penjelasan dan penyelesaian jumlah urus niaga sebenar oleh pihak stesen minyak, pemeroleh peniaga, skim rangkaian kad pembayaran dan pengeluar kad. Oleh yang demikian, pengguna tidak akan kehilangan wang mereka. Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah menghendaki pemeroleh-pemeroleh stesen minyak untuk memaparkan notis di pam minyak mengenai perkara ini supaya pemegang kad dimaklumkan sebelum membeli minyak.